

Publication	Utusan Malaysia	Section /Page No.	Dalam Negeri / Pg. 9
Date	Wed, 5th Apr 2017	Lead Article	No
Headline	Beri Tumpuan Sama Agenda Wanita Bumiputera		

Beri tumpuan sama agenda wanita bumiputera

KUALA LUMPUR 4 April - Makmal Hala Tuju Transformasi Ekonomi Bumiputera Kedua (BETR 2.0) diharap akan turut meletakkan agenda wanita bumiputera sebagai keutamaan dalam platform itu demi mencari pendekatan dan strategi terbaik menangani isu-isu berkaitan modal insan, keusahawanan dan pekerjaan serta pendapatan.

Penasihat Pembangunan Keusahawanan dan Ikhtisas Wanita di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Shahrizat Abdul Jalil berkata, agenda wanita bumiputera itu merupakan lebuhraya baharu bagi golongan berkenaan untuk lebih berdaya saing dan mengukuhkan penyertaannya dalam ekonomi negara.

“Saya berharap makmal ini dapat membincangkan isu-isu berkaitan wanita dalam menghasilkan satu struktur khusus untuk golongan itu dalam bidang ekonomi.



SHHRIZAT ABDUL JALIL

“Saya yakin anjakan paradigma ini akan dapat membantu melonjakkan sumbangan wanita dalam pembangunan ekonomi, seterusnya kestabilan negara boleh dirasai oleh setiap lapisan masyarakat,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Shahrizat yang juga Ketua Wanita UMNO berkata, makmal anjuran Unit Peneraju Agenda Bumiputera (Teraju) itu merupakan tindakan tepat dalam penelitan semula agenda transformasi ekonomi bumiputera bersesuaian dengan cabaran ekonomi semasa.

Beliau turut percaya enam prinsip utama yang digariskan iaitu mesra pasaran, berasaskan keperluan, berasaskan merit, ketelusan, pertumbuhan dan membina daya saing mapan dapat memberi dasar yang kukuh dalam memacu perkembangan agenda transformasi ekonomi bumiputera secara keseluruhannya.